



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 26 DISEMBER 2020**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|------------|---|---|
| 1. | LPNM GIAT PERKASAKAN SEKTOR NANAS MENERUSI AGROPRENEUR MUDA, BERNAMA -ONLINE | LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM) |
| 2. | MPIB STRIVES TO EMPOWER PINEAPPLE SECTOR THROUGH YOUNG AGROPRENEURS, MALAY MAIL -ONLINE | |
| 3. | DEDAH DALANG KARTEL DAGINGI, MALAYSIA MSN -ONLINE | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|---------|---------|------------|
| 26/12/2020 | BERNAMA | ONLINE | |

LPNM giat perkasakan sektor nanas menerusi agropreneur muda



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah diberi penerangan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) LPNM Mohd Khairuzamri M. Salleh (tiga, kiri) pada lawatan kerja ke kebun nenas Abdul Rahman Ahmad (kiri) di Parit Panjang, Pontian.

PONTIAN, 26 Dis -- Industri pengeluaran nanas negara akan terus dipergiat dan diperkasakan dengan menarik lebih ramai agropreneur muda untuk terlibat dalam tanaman komoditi tersebut yang dikategorikan sebagai sumber kekayaan baharu negara.

Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Mohd Khairuzamri M. Salleh berkata misi menggandakan hasil pengeluaran nanas negara mampu dicapai dengan penglibatan lebih ramai golongan muda bukan sahaja untuk menampung permintaan dari luar negara malah di peringkat domestik.

Beliau berkata pelbagai usaha telah dilaksanakan dan akan terus dirangka oleh unit Agropreneur Muda LPNM seperti pemberian geran 'Program Agropreneur Muda LPNM' bagi mencapai matlamat berkenaan sekali gus menjadikan sektor penanaman nanas moden, dinamik dan progresif.

Mohd Khairuzamri berkata, Geran Agropreneur Muda (GAM) daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan tersebut diberikan kepada agropreneur muda berusia 18 hingga 40 tahun yang terlibat dengan tanaman nanas dalam bentuk barangan seperti input pertanian dan peralatan perladangan.

Geran sebanyak RM4.489 juta telah diperuntukkan sejak 2018 yang membabitkan RM1.42 juta pada 2018, RM1.01 juta pada 2019 manakala RM2.05 juta pada 2020, katanya.

Menurutnya, sehingga kini, seramai 234 agropreneur muda nanas dari seluruh negara berjaya dilahirkan yang membabitkan 202 peserta bagi sektor tanaman manakala 32 peserta bagi sektor industri asas tani.

"Kita (LPNM) harap dengan perkembangan teknologi yang semakin canggih dan dengan Revolusi 4.0 yang boleh diaplikasikan dalam pertanian khususnya dalam tanaman nanas, orang muda akan tampil ke depan dengan membawa pembaharuan untuk membangunkan industri ini.

"60 peratus daripada pengusaha ketika ini berumur sekitar 60 tahun di mana penerimaan dalam kalangan mereka terhadap teknologi agak sukar apabila kebanyakan amalan dalam industri nanas masih konvensional dengan penggunaan buruh. Jadi, ini yang kita hendak ubah penglibatan lebih ramai dalam kalangan anak muda mencorakkan pemodenan industri nanas itu sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Bernama selepas sesi tinjauan mesra usahawan muda agropreneur tanaman nanas di kebun nenas di Parit Sikom, di sini, baru-baru ini, yang turut dihadiri Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah serta Ahli Parlimen Pontian Datuk Seri Ahmad Maslan.

Mohd Khairuzamri berkata dalam suasana pandemik ketika ini kaedah pemasaran dalam norma baharu perlu dipertingkatkan seperti di laman sosial Facebook dan Instagram.

Terkini, katanya, LPNM sedang mengadakan kerjasama dengan platform e-dagang terkenal Shopee Malaysia yang bertujuan untuk memperluas produk usahawan nanas dalam talian dengan mengumpulkannya semua pengusaha nanas dalam satu platform.

"Ia dijangka dilancarkan pada awal tahun 2021," katanya.

Selain itu, katanya, LPNM juga menggalakkan program perluasan tanaman nanas secara integrasi yang akan memberi peluang dan manfaat kepada pengusaha dan pekebun kecil dalam mempelbagaikan hasil tanaman dalam satu kawasan.

"Sekarang kita galakkan mengusahakan (tanaman nanas) secara integrasi sebagai contoh, sekiranya di ladang kambing atau cili atau apa-apa sahaja apabila ada kawasan lebih, kita galakkan untuk mereka tanam nanas bermaksud tidak bergantung dengan satu komoditi sahaja...sebelum dapat rasa hasil nanas...hasil cili, kita sudah dapat...kita boleh buat kerana kita ada kepakaran dalam perkara itu," katanya.

Beliau berkata dalam mendepani pandemik COVID-19 yang sedikit sebanyak menjejaskan sektor tanaman nanas baik dari segi pengeluaran dan juga pengeksportan, kerajaan telah memberikan inisiatif kepada LPNM menerusi pakej rangsangan ekonomi dan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) sebanyak RM13.6 juta (2020-2021) dengan sebanyak 56 peratus daripadanya telah dimanfaatkan manakala selebihnya akan dilaksanakan pada tahun depan.

"Saya secara peribadi menyeru orang ramai khususnya golongan muda agar terlibat dalam sektor ini. Ia kerana dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) lebih 90 peratus pengusaha nanas yang berada di bawah golongan B40 telah kita keluarkan daripada kategori tersebut.

"Tanaman nanas seluas 16,000 hektar pada masa kini masih belum mencukupi untuk memenuhi permintaan luar negara terutamanya jenis nanas MD2 yang mendapat permintaan tinggi khususnya dari negara China.

"Johor adalah negeri terbesar untuk tanaman nanas iaitu 54 peratus daripada 16,000 hektar kawasan tanaman diikuti Sarawak sekitar hampir 18 peratus," kata Mohd Khairuzamri sambil menambah nilai eksport nanas negara pada tahun lepas berjumlah RM491 juta.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|---------------|---------|------------|
| 26/12/2020 | MALAY MAIL | ONLINE | |

MPIB strives to empower pineapple sector through young agropreneurs



The national pineapple industry will continue to be enhanced and empowered by attracting more young agropreneurs to venture into this sector. — Reuters pic

PONTIAN, Dec 26 — The national pineapple industry will continue to be enhanced and empowered by attracting more young agropreneurs to venture into this sector which is categorised as the new source of wealth for the country.

Malaysian Pineapple Industry Board (MPIB) deputy director-general Mohd Khairuzamri M. Salleh said the mission to double the production of pineapple would be achievable with the involvement of more youths not only to meet the demand from overseas but also in the domestic market.

He said various efforts had been implemented and would continue to be drafted by MPIB Young Agropreneur unit such as providing grants under the MPIB Young Agropreneur Programme to achieve the objective as well as making the pineapple cultivation sector more modern, dynamic and progressive.

The Youth Agropreneur Grant from the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) is given to young agropreneurs aged 18 to 40 who are involved in pineapple cultivation in the form of agricultural input and plantation equipment.

Grants of RM4.489 million had been allocated since 2018, comprising RM1.42 million in 2018, RM1.01 million in 2019 and RM2.05 million in 2020, he said.

Mohd Khairuzamri said to-date, a total of 234 young pineapple agropreneurs nationwide were successfully produced involving 202 participants in the plantation sector and 32 participants in the agro-based industry.

"With the advancement in technology which is becoming sophisticated and with the Fourth Industrial Revolution which can be applied in agriculture specifically in pineapple cultivation, MPIB hopes the youths will come forward with fresh ideas to develop this industry.

"Some 60 per cent of the existing entrepreneurs are around 60 years old wherein among them acceptance of technology is difficult as most practices in pineapple cultivation are still conventional with the use of labourers.

"Hence, we want to change this with the involvement of more youths to chart the modernisation in the pineapple industry itself," he said.

Mohd Khairuzamri said this to Bernama after a walkabout session at the young agropreneur pineapple cultivation at a pineapple plantation in Parit Sikom, here, recently. Also present were Ministry of Agriculture and Food Industries Deputy Minister I Datuk Seri Ahmad Hamzah and Pontian Member of Parliament Datuk Seri Ahmad Maslan.

Mohd Khairuzamri said the marketing method in the new normal must be enhanced through media social platforms such as Facebook and Instagram.

"In the latest development, MPIB is collaborating with renowned e-commerce platform Shopee Malaysia in a bid to expand the pineapple entrepreneurs' products online where we will gather all pineapple entrepreneurs under one platform and this is expected to be launched in early 2021," he said.

Besides that, he said, MPIB would encourage the expansion of pineapple farming via integration which would provide opportunities and benefits to entrepreneurs and smallholders in diversifying production in one area.

"At present, we encourage pineapple farming through integration, for example, if there is extra land on their goat farm or chilli farm or whatever, we encourage them to plant pineapple so they don't depend on just one commodity while waiting for the pineapple production, they already get chillies...we can do this because we have the expertise in this," he added.

In facing the Covid-19 pandemic situation which had more or less adversely impacted the pineapple sector in terms of production and exports, the government had provided incentives to MPIB through the economic stimulus package and the Prihatin Rakyat Economic Stimulus Package (Prihatin) totalling RM13.6 million (2020-2021), out of which 56 per cent had been utilised while the remaining allocation will be implemented next year.

"I myself is urging the public especially the youth community to venture into this sector as under the 11th Malaysia Plan, more than 90 per cent of the pineapple entrepreneurs in the B40 group had exited the category.

"The pineapple plantation acreage spanning 16,000 hectares (ha) is still not sufficient to meet the demand from overseas especially for MD2 pineapple variety which is highly demanded particularly from China.

"Johor is the biggest pineapple-producing state commanding 54 per cent of 16,000ha of planted areas, followed by Sarawak at almost 18 per cent," he said, adding that the export value of pineapple amounted to RM419 million last year. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|-----------------|---------|------------|
| 26/12/2020 | MALAYSIA MSN | ONLINE | |

Dedah dalang kartel daging!



PETALING JAYA: Pemuda Amanah mendesak kerajaan Muhyiddin Yassin mendedahkan dalang kartel daging yang diragui status halalannya.

Ketuanya Shazni Munir Ithnin berkata, kerajaan perlu telus dalam mendedahkan syarikat yang terlibat dan serta-merta menghentikan operasi syarikat berkenaan.

"Muhyiddin tidak wajar mengambil sikap sambil lewa terhadap kepentingan masyarakat Islam di negara ini yang berasa gusar dan hairan bagaimana kartel ini boleh dibiarkan beroperasi sejak sekian lama.

"Malangnya, sehingga hari ini kerajaan gagal mendedahkan kartel yang terlibat dan lambat bertindak untuk menghalang

syarikat ini daripada terus memasarkan daging diragui status halalannya," katanya dalam kenyataan.

Baru-baru ini media mendedahkan wujudnya kartel dilindungi pihak tertentu menjalankan aktiviti menyeludup daging haram selama lebih 40 tahun.

Daging diragui status halal itu diimport dari negara tidak mencapai standard ditetapkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), kemudian mencampurkan daging halal dengan daging haram dan dipasarkan kepada orang ramai.

Sementara itu, dalam kenyataan berasingan, Timbalan Pengerusi PKR Johor Jimmy Puah Wee Tse mendesak agensi berwajib termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta majlis agama Islam mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang terlibat.

Beliau yang juga ADUN Bukit Batu berkata, kerajaan perlu memberi jaminan kepada rakyat supaya isu seperti itu tidak lagi berulang pada masa akan datang.

"Dalam bab ini, walaupun saya bukan Muslim, atas semangat rakyat Malaysia, saya bersolidariti untuk kawan-kawan Muslim saya dan mengecam sekeras-kerasnya tindakan sendiket kartel daging ini," katanya.

Beliau berkata, satu lagi masalah dalam isu itu adalah rasuah yang dilihat semakin membarah.

"Dilaporkan habuan seperti wang dan seks ditawarkan oleh sendiket daging untuk memastikan aktiviti haram mereka dapat dijalankan dengan bebas.

"Sebab itu, saya merasakan apa dilakukan oleh sendiket kartel daging import dan pegawai kerajaan yang terlibat adalah sangat berat kesalahannya, tidak bertanggungjawab dan mencemarkan nama baik industri halal negara," katanya.